



Agensi Kelayakan Malaysia
Malaysian Qualifications Agency

Tel : +603-7968 7044 | Faks : +603-7954 7125

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
(Chief Executive Officer)
AGANSI KELAYAKAN MALAYSIA
(Malaysian Qualifications Agency)

 www.mqa.gov.my

 OFFICIAL : Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

 MQA Malaysia (@MQAMalaysia)

 MQA_Malaysia



NO GIFT POLICY

Flexible Education. Beyond Borders. Creating The Future

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/2 Jld. 2 (9)

Tarikh : 20 Ogos 2018

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 6/2018

PANDUAN PEMILIHAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT) LUAR NEGARA SEBAGAI RAKAN KERJASAMA (*FRANCHISOR*) PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT) MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti Kementerian Pendidikan Tinggi-Agensi Kelayakan Malaysia (KPT-MQA) Bil. 1/2018 bertarikh 17 April 2018.

2. Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mengeluarkan Pekeliling Pengurusan Pendidikan Tinggi Swasta (PPTS) Bil. 2/2017 dengan rujukan JPT/GS1000-606 Jld. 2(1) bertarikh 12 April 2017 dan Pengemaskinian Butiran Dasar Pekeliling PPTS Bil. 2/2017 dengan rujukan JPT/GS1000-606 Jld. 2(3) bertarikh 06 Februari 2018 berkenaan "Pengemaskinian Dasar Kerjasama Kursus Pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)" yang menetapkan syarat bagi PPT luar negara yang boleh dipilih oleh PPT Malaysia untuk dijadikan sebagai rakan kerjasama (*franchisor*) seperti berikut:

- i. Kerjasama dengan 5% daripada jumlah keseluruhan universiti luar negara yang terkini di dunia dalam senarai *ranking* antarabangsa yang telah diterima pakai dan mendapat pengiktirafan serta perakuan akreditasi daripada badan berkuasa atau badan jaminan kualiti atau kerajaan negara berkaitan.
- ii. Kerjasama juga boleh dijalankan dengan universiti luar negara di bawah badan yang telah menandatangani *comparability* dengan MQA dan

mendapat pengiktirafan serta perakuan akreditasi daripada badan berkuasa atau badan jaminan kualiti atau kerajaan negara berkaitan.

3. Merujuk kepada syarat-syarat yang dinyatakan, MQA menerima banyak pertanyaan daripada PPT Malaysia berkenaan IPT luar negara yang layak dijadikan sebagai *franchisor*, terutamanya berkenaan dengan situasi *ranking* IPT luar negara yang relatif dan berubah mengikut tahun semasa.

4. Justeru, MQA telah mengambil inisiatif untuk memberi penjelasan lanjut berkenaan dengan perkara ini seperti dalam **Lampiran 1**. Panduan dan senarai *ranking/comparability* akan dimuat naik ke laman web MQA dalam bentuk pautan (*link*) untuk rujukan PPT Malaysia.

5. Diharap agar panduan yang diberikan dapat membantu PPT Malaysia dalam memastikan hanya IPT luar negara yang layak sahaja boleh dijadikan *franchisor* dalam penawaran program pendidikan tinggi.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang ikhlas,



(DATO' DR. RAHMAH BINTI MOHAMED)

E-mel: rahmah@mqa.gov.my

s.k.:



1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
4. SUSK YB Menteri Pendidikan
Pejabat Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
5. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR
6. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR

7. Sekretariat

Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)

Pejabat Naib Canselor

Universiti Malaysia Pahang

26600 PEKAN, PAHANG DARUL MAKMUR

8. Sekretariat

Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) (JKTNCRA IPTA)

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Tingkat 9, Canselori

Universiti Malaya

50603 KUALA LUMPUR

PANDUAN PEMILIHAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT) LUAR NEGARA SEBAGAI RAKAN KERJASAMA (*FRANCHISOR*) PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT) MALAYSIA

1. PEMILIHAN BERDASARKAN SISTEM *RANKING* ANTARABANGSA DAN TEMPOH SAH LAKU

- a. Kerjasama adalah dengan 5% daripada jumlah keseluruhan universiti luar negara yang terkini di dunia yang tersenarai dalam tiga *ranking* antarabangsa yang diterima pakai dan boleh dirujuk iaitu:
- i. *QS World University Rankings*
<https://www.topuniversities.com>
 - ii. *Times Higher Education World University Rankings (THE)*
<https://www.timeshighereducation.com/world-university-rankings>
 - iii. *Academic Ranking of World Universities (ARWU)*
<http://www.shanghairanking.com>
- b. Pemilihan *franchisor* berasaskan tiga *ranking* antarabangsa tersebut boleh dibuat berdasarkan institusi atau bidang/disiplin.
- c. Tempoh sah laku *ranking* antarabangsa adalah 24 bulan daripada tarikh pengumuman/keputusan dibuat. Ini bagi memberi masa yang cukup untuk merancang, memuktamadkan perjanjian dan seterusnya membuat permohonan Akreditasi Sementara dan kelulusan pengendalian program.

Contoh:

Bil.	<i>Ranking</i>	Tarikh Pengumuman	Tempoh Sah laku (24 bulan)
1.	<i>QS World University Rankings</i>	15 Jun 2018	14 Jun 2020
2.	<i>Times Higher Education World University Rankings</i>	20 Jun 2018	19 Jun 2020
3.	<i>Academic Ranking of World Universities</i>	05 September 2018	04 September 2020

- d. Pemilihan *franchisor* perlu mengambil kira pengesahan pengiktirafan serta perakuan akreditasi daripada badan berkuasa atau badan jaminan kualiti atau kerajaan negara berkaitan.
- e. Program kerjasama baru yang telah diluluskan (termasuk yang diperbaharui kelulusan) oleh KPT dan diakredit oleh MQA boleh terus ditawarkan selagi mana status kelulusan dan akreditasi dikekalkan walaupun *franchisor* telah terkeluar daripada senarai *ranking* antarabangsa yang ditetapkan.
- f. Penyambungan penawaran program secara kerjasama tidak dibenarkan sekiranya program dihentikan (disebabkan oleh batal kelulusan atau akreditasi, atau keputusan menamatkan program oleh PPT sendiri) dan *franchisor* tidak lagi berada dalam senarai *ranking* antarabangsa pada tahap pencapaian yang ditetapkan.
- g. PPT perlu merujuk dan mendapatkan pengesahan JPT sekiranya berhasrat mengadakan kerjasama dengan *franchisor* yang tersenarai pada *ranking* selain daripada tiga *ranking* antarabangsa yang telah ditetapkan atau langsung tidak tersenarai dalam mana-mana *ranking*.

2. PEMILIHAN BERASASKAN KEPADA STATUS *COMPARABILITY* AGENSI / BADAN JAMINAN KUALITI LUAR NEGARA

Pelaksanaan status *comparability* bagi tujuan kerjasama antara PPT Malaysia dengan IPT luar negara adalah berdasarkan kepada perhubungan antarabangsa yang dilaksanakan oleh MQA melalui saluran bilateral / multilateral atau pelaksanaan *comparability* badan profesional di peringkat antarabangsa.

IPT atau program luar negara yang dijamin kualiti oleh agensi yang terlibat dengan *quality comparability* boleh dipertimbangkan oleh PPT Malaysia bagi pelaksanaan kerjasama.

Comparability yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- a. *Comparability* MQA secara bilateral dengan agensi jaminan kualiti luar negara iaitu:

Bil.	Agensi	<i>Comparability Level</i>
1.	<i>New Zealand Qualifications Authority</i> (NZQA)	Sarjana Muda (Tahap 6 MQF) Sarjana (Tahap 7 MQF) Kedoktoran (Tahap 8 MQF)

Bil.	Agensi	Comparability Level
2.	<i>National Institute for Academic Degrees and Quality Enhancement of Higher Education (NIAD-QE)</i>	Sarjana Muda (Tahap 6 MQF)
3.	<i>Higher Education Evaluation and Accreditation Council of Taiwan (HEEACT)</i>	Sarjana Muda (Tahap 6 MQF)

Nota:

Kerjasama hanya boleh dibuat bagi peringkat Sarjana Muda (Tahap 6 MQF).

- b. Agensi yang telah membuat penandaarasan dengan *Guideline of Good Practices (GGP): The International Network for Quality Assurance Agencies in Higher Education (INQAAHE)* dan masih berkuat kuasa/dalam tempoh sah laku (Rujuk laman web INQAAHE di <http://www.inqaahe.org/aligned-agencies>) atau lain-lain penandaarasan yang akan dimuktamadkan pada masa akan datang (Contoh: ASEAN *Qualifications Reference Framework, AQR*).
- c. Program dari IPT luar negara yang tersenarai dalam perjanjian antarabangsa badan profesional seperti:

Bil.	Perjanjian Antarabangsa	Bidang Profesional
1.	<i>Washington Accord</i> http://www.ieagreements.org/accords/washington/signatories/	Kejuruteraan
2.	<i>Dublin Accord</i> http://www.ieagreements.org/accords/dublin/signatories/	Juruteknik Kejuruteraan
3.	<i>Sydney Accord</i> http://www.ieagreements.org/accords/sydney/signatories/	Teknologi Kejuruteraan

Senarai status *comparability* akan dikemas kini dari semasa ke semasa.